



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUT HARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia mengikut kod bidang yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebut harga berikut :-

No. Sebut harga	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/SH/ 91/2026	Kerja-kerja menaiktaraf anak sungai Plentong di kawasan Taman Johor Jaya, Johor Bahru serta kerja-kerja yang berkaitan Tarikh Iklan : 29.7.2026 Tarikh Taklimat/ : 5.8.2026 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Saliran Dan Pengurusan Sungai, Jabatan Kejuruteraan, Aras 12, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 12.8.2026 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBBJ/U/2026/09/PRO/D/16 *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 50.00 5.8.2026 hingga 10.8.2026 (Rujuk Perenggan 4)	CIDB Gred : G4 (Berdaftar di Negeri Johor Sahaja) Kategori : CE Pengkhususan : CE21 dan CE34 dan Berdaftar dengan JCCD (Sijil Kontraktor Johor) DAN Sijil Pematuhan Cukai (TCC) HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat

MBJB/SH/ 92/2026	Kerja-kerja pelebaran jalan dan kerja berkaitan di Jalan Abdul Rahman Andak, Johor Bahru, Johor Tarikh Iklan : 29.7.2026 Tarikh Taklimat/ : 5.8.2026 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan, Aras 12, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 12.8.2026 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2026/31/PRL/SH/4 *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 50.00 5.8.2026 hingga 10.8.2026 (Rujuk Perenggan 4)	CIDB Gred : G2 Kategori : CE Pengkhurusan : CE01 dan CE21 dan Berdaftar dengan JCCD (Sijil Kontraktor Johor) HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat
MBJB/SH/ 93/2026	Membekal, menghantar dan memasang Network Attached Storage (NAS) di Pusat Data Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru Tarikh Iklan : 29.7.2026 Tarikh Taklimat/ : 5.8.2026 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Teknikal Dan Rangkaian, Jabatan Teknologi Maklumat, Aras 4, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 12.8.2026 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2026/07/SBH/3 *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 30.00 5.8.2026 hingga 10.8.2026 (Rujuk Perenggan 4)	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 210101 – Hardware (Low end technology) Dan 210102 - Hardware (High end technology) Dan 210105 (Telecommunication / networking supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/ Internet/wireless /satellite) HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat

MBJB/SH/ 94/2026	Membekal dan menghantar bahan bacaan terbitan dalam negara ke Perpustakaan Sultan Ismail, Majlis Bandaraya Johor Bahru Tarikh Iklan : 29.7.2026 Tarikh Taklimat/ : 5.8.2026 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Johor Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 12.8.2026 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBBJ/U/2024/22/PRL/9(JLD 2) *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 30.00 5.8.2026 hingga 10.8.2026 (Rujuk Perenggan 4)	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 010102 (Bahan Bacaan) HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat
MBJB/SH/ 95/2026	Membekal dan menghantar bahan bacaan terbitan luar negara ke Perpustakaan Sultan Ismail, Majlis Bandaraya Johor Bahru Tarikh Iklan : 29.7.2026 Tarikh Taklimat/ : 5.8.2026 (Rabu) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Perpustakaan Sultan Ismail, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Johor Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 12.8.2026 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBBJ/U/2025/22/PRL/10(JLD 2) *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 30.00 5.8.2026 hingga 10.8.2026 (Rujuk Perenggan 4)	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 010101 (Bahan bacaan terbitan luar negara) HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat

2. Sebagaimana surat Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor bagi Timbalguna Dengan Pindaan Pekeliling Perbendaharaan (PP/PK 2.21) Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Tahun 2026 bagi Negeri Johor bertarikh 20 Januari 2026 yang ditimbal guna di Majlis Bandaraya Johor Bahru mulai 1 Februari 2026, bagi kaedah perolehan **Sebut Harga melebihi RM500,000.00 hingga RM3,000,000.00 adalah dipelawa kepada kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 hingga G4 (negeri berkenaan).**

3. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bersemuka di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar syarikat di sistem iPerolehan MBBJ melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan> sebelum hari taklimat bagi memudahkan urusan pendaftaran kehadiran taklimat. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. **PENYEBUTHARGA (PENAMA DI DALAM LESEN) SAHAJA dibenarkan hadir ke taklimat** di pejabat dan lawatan tapak dan ianya **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa hadir taklimat sebutharga sebagaimana berikut :-

3.1 : Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

3.2 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB

3.3 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB & Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK

3.4 : Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) & Taraf Bumiputera (Jika berkaitan)

3.5 : Sijil Kontraktor Johor (SKJ) oleh Johor Centre for Construction Development (JCCD)

3.6 : Sijil Pematuham Cukai (TCC)

4. Penjualan dan pembelian dokumen sebut harga dijalankan secara atas talian sahaja (Sila rujuk manual pembelian di ruangan Pembelian Dokumen pada Sistem iPerolehan,). Hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBBJ dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** (<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila rujuk sistem **iPerolehan MBBJ** bagi penjualan tersebut.
5. Dokumen Sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebut harga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.
6. Dokumen sebut harga yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
7. Majlis tidak terikat samada menerima Sebut harga yang terendah harganya atau sebarang tawaran Lain.

Sekian, dimaklumkan.

(MOHD FARID BIN HASSAN)

Setiausaha,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.